

1009

TOKOH MUFAHIR WANITA KONTEMPORARI

SITI ZAHARAH ABD. HAMID

ummizaharah@kuis.edu.my

ABUR HAMDI USMAN

FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

SOFIAH SAMSUDDIN

UIAM

ABSTRAK

Pentafsiran al-Quran merupakan salah satu bidang ilmu Islam yang utama. Ulama Islam sejagat telah menyatakan konsensus terhadap kepentingan memahami intisari kandungan al-Quran secara benar serta menepati mekanisme standard yang telah ditentukan. Justeru kemajuan ilmu pentafsiran al-Quran sentiasa konsisten bahkan ianya adalah malar hijau pada setiap zaman. Namun, pengenalan terhadap tokoh-tokoh mufasir wanita jarang dilakukan. Oleh sebab itu, keberadaan karya-karya tafsir mereka seakan kurang disedari oleh umat Islam semasa. Justeru artikel ini bertujuan untuk memperkenalkan profil dua tokoh mufasir wanita kontemporari iaitu 'Aisyah Abd al-Rahman (Bintu al-Syati'), dan Zainab al-Ghazali. Data-data kajian dikumpul berdasarkan analisis dokumen terhadap sumber perpustakaan. Penganalisisan data dilakukan secara historikal dan deskriptif. Dapatan menunjukkan ketokohan wanita Islam dalam bidang tafsir adalah tidak kurang hebatnya berbanding mufasir lelaki. Penemuan dua karya tafsir yang dihasilkan oleh dua tokoh berkenaan menjadi bukti empirikal keserjanaan mereka dalam bidang ini.

Kata kunci: Tokoh, Mufasir, Wanita, Kontemporari.

1. PENDAHULUAN

Al Quran adalah perutusan Allah SWT kepada kemanusiaan sejagat, tiada terdapat di dalamnya sesuatu yang asing, malah datang sarat dengan segala keperluan kehidupan *manusawi* atas prinsip-prinsip utama sesuai bagi seluruh agama Samawi. Al-Qur'an memiliki keistimewaan merawat permasalahan kemanusiaan di segenap aspek kehidupan, spiritual, intelektual, fizikal, sosial, ekonomi dan politik dengan rawatan yang pasti berkesan kerana al-Qur'an turun daripada yang Maha Bijaksana dan Terpuji.

Sejak awal perkembangan ilmu al-Qur'an hingga kini, lahir ramai tokoh-tokoh tafsir di kalangan sahabat, tabi'in, tabi' tabi'in, salaf al-soleh dan di kalangan ulama semasa. Apa yang amat ketara ialah hampir kebanyakan ahli tafsir yang tercatat secara jelas adalah terdiri dari golongan lelaki (Afaf Abd.Ghafur 2007).

Dengan menyelusuri sejarah awal kelahiran Islam, kita tidak dapat menafikan keujudan peranan dan sumbangan golongan wanita di pelbagai aspek kehidupan manusia. Di sudut keintelektualan, sumbangan dari kalangan *ummahat al-mukminin*

terutama Saidatina Aishah RA khususnya dalam periwayatan hadis dan tafsir al-Quran serta pelbagai bidang ilmu Islam adalah sesuatu yang tidak dapat dilupakan..

Begitu juga dengan isteri-isteri Nabi SAW yang lain dan para *sahabiyat* yang jelas tidak dinafikan hak-hak mereka dalam mendapatkan ilmu dan memberi sumbangan khasnya dalam bidang memahami kitab Allah SWT ; al-Qur'an.. Sesuatu yang wajar ditegaskan di sini bahawa ketiadaan nama wanita dalam senarai tokoh-tokoh tafsir, bukan berarti mereka tidak terlibat langsung atau tidak berperanan dalam bidang tafsir (Muhammad al-Salik Muhd. Fal : 2014).

Keperluan untuk menyusuri sejarah dan menyorot peranan dan sumbangan golongan wanita dalam bidang tafsir dan ilmu yang berkaitan al-Qur'an diharap memampukan kita sampai kepada beberapa objektif penting sesuai dengan hak dan kedudukan wanita; di antaranya, ia dapat memperkasakan jatidiri golongan wanita dengan ajaran dan tuntutan agamanya dengan bersungguh-sungguh menguasai al-Qur'an sebagai sumber kebahagiaan dunia dan akhirat. Di samping ia dapat memberi jawapan kepada kekeliruan yang ditimbulkan oleh musuh Islam yang menganggap Islam sebagai anti ilmu pengetahuan, malah ia juga dapat menonjolkan sumber kekuatan sebenar yang dianugerahkan Allah SWT pada diri wanita.

Kajian ini bertujuan untuk memaparkan peranan penting yang dimainkan oleh wanita muslimah dalam memperkayakan khazanah keilmuan Islam secara umumnya dan tafsir Al-Quran secara khusus. Tanpa menafikan peranan dan sumbangan yang telah diberikan oleh wanita Islam kontemporari dalam bidang keilmuan Islam yang lain ; dalam periwayatan Hadis, ilmu Fiq, ilmu Mantiq dan lain-lain, malah turut menjadi tenaga pengajar di pusat-pusat pengajian tinggi di negara Islam, kajian ini ingin menyusuri penglibatan wanita dalam ilmu tafsir, yang bukan sahaja kerana kemuliaan, kepentingan dan kedudukan ilmu tafsir dalam himpunan keilmuan Islam, malah bagi menjadi jawapan terhadap tanda tanya yang sering berlegar mengenai ilmu tafsir adakah ia menjadi bidang yang hanya mampu dikuasai oleh golongan lelaki (Muhammad al-Salik Muhd. Fal : 2014)

Sebagai jawapan bagi persoalan tersebut, kita ketengahkan beberapa mufasir wanita kontemporari dengan pengenalan ringkas mengenai diri dan karya masing-masing. Di antara mufasir wanita yang terpilih dalam penulisan kali ini ialah Dr. Aisyah Abdul Rahman dan Hajah Zainab Al-Ghazali Al-Jubaily

2. TOKOH MUFASIR PERTAMA: DR.AISYAH ABDUL RAHMAN (BINTI AL-SYATIQ) .

2.1 Biodata

Beliau ialah Aisyah binti Syeikh Abdul Rahman, dilahirkan di bandar Dimyadh, Mesir, pada tahun 1913 M. Ayahnya adalah dari kalangan pimpinan Pusat Pengajian Agama dan menolak Sistem Pendidikan Moden. Aisyah merupakan generasi ke empat daripada keturunan *Syeikh Ibrahim al-Damhuji* dari pihak datuk sebelah ibunya (Afaf Abd.Ghafur : 2007).

2.2 Pendidikan

Aisyah membesar dalam keluarga ilmuwan. Ayahnya berusaha memberikannya pelajaran. Beliau memulakan persekolahannya pada usianya lima tahun iaitu pada tahun 1918M. Di samping itu sepanjang cuti musim panas Aisyah mengambil kesempatan menghafal al-Quran di *Syubra Qum*. Ayahnya enggan membenarkan puterinya belajar kecuali dalam pengajian agama. Pada pendapatnya : Anak-anak gadis guru agama tidak sepatutnya keluar belajar di sekolah-sekolah, memadai mereka belajar di rumah-rumah mereka. Tetapi melalui bantuan datuknya akhirnya Aisyah berjaya mendapat keizinan ayahnya untuk belajar di sekolah dengan syarat ia perlu menyambung pelajarannya di rumah bila umurnya hampir baligh (Afaf Abd.Ghafur : 2007).

Aisyah berjaya mencapai keputusan yang cemerlang dalam pelajarannya. Ketika beliau selesai menamatkan persekolahannya di peringkat Ibtidai, beliau sekali lagi mendapatkan sokongan datuknya untuk membolehkan beliau menyambung pengajian tingginya di Dimyadh. Berikutan dengan kewafatan datuknya Aisyah telah menyambung pelajar di Pusat Perguruan Wanita tetapi pengajiannya dijalankan di rumah. Beliau berjaya mendapat Tauliah Kelayakan Guru pada tahun 1929 pada kedudukan pertama bagi seluruh Mesir. Kemudian berjaya memperolehi Sijil Menengah pada tahun 1931 (Afaf Abd.Ghafur: 2007).

Kemudian beliau menyambung pengajian di Jabatan Bahasa Arab, di Kuliah Adab, Universiti Kaherah, dan tamat pada tahun 1939. Semasa berada di Universiti ini beliau sempat bertemu dengan tokoh-tokoh pemikir dan sasterwan Mesir yang dipimpin oleh Ustaz Amin al-Khuli, pemilik salun Pemikiran dan Sastera dan pemilik Manhaj al-Bayani Dalam Tafsir al-Quran. Beliau kemudiannya menjadi guru dan suami kepada Aisyah. Beliau menyambung pengajiannya di peringkat Sarjana dengan tajuk : Kehidupan Manusia Menurut Pandangan *Abi al- Ala al- Ma'ri*. dengan memperoleh darjah Cemerlang. Selepas itu Berjaya di peringkat Doktor Falsafah dengan tajuk tesis : *Tahqiq Rislah Ghufuran bagi Abi al- Ala al- Ma'ri*. Dengan nasihat gurunya Amin al-Khuli, beliau memulakan mendalami kajian tentang Adab Sastera dan berusaha untuk mahir dalam Bahasa Al-Quran jika ingin mencebur diri di bidang Tafsir al-Quran *Abi al- Ala al- Ma'r* (Afaf Abd.Ghafur: 2007).

2.3 Karya Penulisan

Dengan nama pinanya Binti al-Syati', Aisyah banyak menulis mengenai Adab Sastera, Ulasan dan Keritikan, Riwayat Hidup dan Tahqiq kitab Turath, Tafsir dan Hadis yang mana beliau beriya menghasilkan hampir empat puluh kitab. Di antara karyanya yang utama dalam pengajian Islam ialah: al-Tafsir al-Bayani lil-Quran al-A'zim, al-Quran Dan Isu-isu Manusia, Riwayat hidup isteri-isteri Nabi SAW. Berjaya mentahqiq banyak artikal, surat perjanjian dan manuskrips. Beliau banyak menyertai seminar-seninar Antarabangsa, kemasyhurannya menjangkau negara-negara Arab dan Dunia Islam. Beliau juga turut menyertai Foram Perdebatan Pemikiran yang terkemuka dan mengambil pendirian yang tegas di dalam mempertahankan Islam. Beliau mempunyai pendirian tersendiri dalam beberapa isu, di antara yang terkenal ialah pendiriannya menolak aliran Tafsir Semasa terhadap al -Quran, sokongannya terhadap isu-isu

Wanita dan pendidikannya, penentangannya terhadap pendirian Abbas Aqad dalam isu ini serta pendedahannya mengenai golongan Bahaiyah dan hubungannya dengan Zionis Yahudi Antarabangsa dan lain-lain (Afaf Abd.Ghafur:2007).

2.4 Anugerah

Aisyah mendapat pelbagai penghargaan tinggi daripada kalangan negara Arab dan Dunia Islam. Beliau mendapat penghormatan daripada Mesir semasa pemerintahan Jamal al-Sadat dan Husni Mubarak, memenangi Anugerah Malik Faisol .Beliau juga mendapat penghormatan menganggotai pelbagai Pertubuhan Islam Antarabangsa yang belum pernah dimiliki oleh wanita sejenisnya, di antaranya: *Majma' al-Buhuth al-Islamiyah* di Kaherah, Majlis-majlis Khas Kebangsaan. Beliau juga diberi penghormatan oleh Raja Maghribi. Lawatan terakhirnya ke Maghribi ialah untuk menyertai Badan Bertindak Universiti *al-Sahwah al-Islamiyah* di Rabad di akhir Oktobetr 1998M. Ketika kewafatan Dr. Aisyah pada awal Disember 1998M, Kementerian Wakaf Maghribi telah mengisytiharkan acara perkabungan dan mendirikan khemah khas untuk ucapan takziah, Mesir mengadakan perarakan mengiringi jenazahnya dengan dihadiri oleh para ulama, tokoh-tokoh sasterawan dan ilmuan dari pelbagai negara. Syeikh Al-Azhar sendiri mengimamkan solat jenazahnya. Dr.Aisyah sempat mewasiatkan penyerahan perpustakaanannya kepada Perpustakaan Negara Mesir (*Dar Kutub al-Mesriyah*) yang menjadi tumpuan para pengkaji.(Afaf Abd.Ghafur:2007).

2.5 Manhaj Penulisan *Al- Tafsir Al-Bayani LilQuran*

Selepas Aisyah kembali ke bidang Pengajian al-Quran, beliau menghasilkan kitab mengenai Tafsir Bayani bagi al-Quran al-Karim yang merupakan gabungan di antara kajian Bahasa Arab dan kajian al-Quran. Kitab ini bukan tafsir al- Quran yang lengkap tetapi hanya terbatas pada surah-surah yang pendek dan sederhana panjang yang terkandung dalam dua juzu. dalam gaya penulisannya, tafsir beliau berdasarkan pada method al-Isyraqi yang berdasarkan pada hati kesan pengaruh didikan ayahnya. Beliau juga dasarkan tafsirnya pada method al-Aqli yang berdasarkan tafsiran akal iaitu terkesan dengan aliran gurunya yang merupakan suaminya :Shaikh Amin al-Khauri . Ini membuktikan beliau mampu memunfaatkan daripada gabungan kedua-dua aliran. Method yang digunakan dalam tafsirnya dan yang diambil daripada gurunya yang telah meletakkan beberapa kaedah yang ditulis dalam bukunya : Beberapa metode pembaharuan. Pekara ini disebut dan diringkaskan oleh Dr.Aisyah dalam pendahuluan kitab Tafsirnya, dalam cetakannya yang ke lima.

i. Manhaj utama dalam penulisan tafsirnya ialah menjelaskan tujuan yang perlu difahami dari kitab Islam yang utama dengan menghimpunkan hukum yang dapat difahami dari surah-surah dan ayat-ayat yang dikaji

ii. Beliau menyusun ayat-ayat yang terdapat di dalam al-Quran mengikut susunan penurunannya utuk memahami situasi yang ada pada masa dan tempat dan membawa riwayat-riwayat mengenai sebab penurunan, serta pengajaran yang terdapat di dalamnya.

iii. Berdasarkan bahasa Arab adalah Bahasa al-Quran, beliau memastikan maksud perkataan itu sesuai dengan keindahan Bahasa Arab dalam kepelbagaian penggunaannya.

iv. Untuk memahami rahsia yang terdapat dalam ayat, beliau meneliti susunan yang terdapat dalam nas dari sudut teks dan ruhnya dan mendatangkan pendapat para ahli tafsir. Memilih yang sesuai dengan nas dan meninggalkan apa yang terkesan dari unsur-unsur Israiliyat, kekeliruan mazhab dan kesalahan tafsiran.

Sebenarnya manhaj yang dipakai oleh Dr Aisyah dan di sandarkan kepada Amin Khuli adalah berasal daripada Ustaz Muhammad Abduh (Afaf Abd. Ghafur: 2007).

3. TOKOH MUFASIR KEDUA: ZAINAB AL-GHAZALI AL-JUBAILY

bagi mengorak langkah seterusnya ke arah mencapai matlamat yang sama, pemilihan ke atas tokoh wanita ulung Abad ke dua puluh *daiyah mujahidah* Hajah Zainab Al-Ghazali Al-Jubaily dengan karya tafsir yang diakui ramai sebagai tafsir pertama dari kalangan wanita yang berjudul “*Nazarat Fi Kitabillah*” atau boleh diertikan sebagai “Beberapa Sorotan Dalam Kitab Allah”, diharap dapat menjadi contoh, dorongan dan ikutan unggul bagi seluruh muslimat selepasnya.

Dengan penampilan tokoh pilihan ini, diharap turut dapat menjadi contoh bagi karya tafsir dari kalangan wanita yang bukan sahaja mampu menghasilkan karyanya berdasarkan kepefahaman yang benar sejajar dengan Syariat Islam malah benar-benar telah berusaha dan berjaya mengisi hampir seluruh kehidupannya dengan pelbagai pengalaman dan metalamat hidup yang menjadi gagasan kehidupan al Qurani. Malah beliau benar-benar menjadi contoh muslimah yang gigih berjuang dan berjaya mengisi hampir seluruh kehidupannya dengan penghayatan al-Qurani dan mengajak kaum sejenisnya untuk hidup dengan pentarbiyahan al Qurani melalui pelbagai bidang hidup yang dilaluinya termasuk perannya melalui bidang tafsir (Muhammad al-Salik Muid. Fal : 2014).

3.1 Biodata

Zainab Muhammad al-Ghazali al-Jubaily dilahirkan pada 2 Januari 1917M/ 8 Rabiul Awal 1335H di *Mayeet Yaisy* sebuah desa di pusat *Mayeet Ghumar* dalam daerah *Ad-Daqiliyah* di daerah *Buhairah*, Mesir. Keturunan ayahnya sampai kepada Khalifah Umar al-Khattab RA. dan keturunan ibunya bersambung hingga kepada Sayidina al-Hasan bin Ali bin Abi Talib RA. Datuknya seorang saudagar kapas yang terkenal. Ayahnya merupakan salah seorang ulama' al-Azhar di samping memiliki dan menjalankan perusahaan kapas. Zainab al-Ghazali lahir dan dibesarkan oleh kedua ibu bapanya dalam persekitaran pendidikan Islam yang jelas. Pada peribadi Zainab tercanai kukuh sifat-sifat gigih dan berani hasil didikan ayahnya yang ingin dan sentiasa berusaha membentuk jati diri muslimah mujahidah yang hebat pada diri Zainab dengan sering mengulang kata-katanya: “Kamu tidak perlu banyak bermain-main dengan kawan-kawan, kerana kamu adalah Saiyidah Zainab”.

Beliau sering membawa Zainab bersama ke solat Subuh di masjid dan menghadiri majlis-majlis ta'lim bersama tokoh ulama' Al-Azhar. Zainab juga sering diperingatkan agar

sentiasa menunaikan semua solatnya pada awal waktu. Ayahnya benar-benar berusaha gigih menyediakan bagi diri Zainab suatu persiapan untuk hari-hari yang mendatang . Beliau juga sering memanggil Zainab dengan gelaran Nusaiybah sempena nama seorang sahabiyah yang terkenal dengan keberaniannya iaitu :*Nusaiybah binti Ka'ab Al-Maziniyah al-Ansoriyah*.(Badr Muhammad Badr: 2008)

3.2 Pendidikan

Zainab al-Ghazali melalui pendidikan awal di madrasah kampung halamannya. Beliau juga berkesempatan belajar di sekolah kerajaan di samping mengikuti pengajian agama di tangan para masyaeikh Al-Azhar. Di antara ilmu-ilmu yang dia pelajari adalah ilmu hadis, tafsir dan fiqh.(Syeikh Muhammad Sa'id Mursi (2001).

Selepas kewafatan ayahnya pada tahun 1928M , Zainab yang ketika itu baru berusia sekitar sebelas tahun berpindah bersama ibunya ke Kaherah untuk tinggal bersama saudara-saudara lelakinya yang belajar dan yang berkerja disana. Saudara lelakinya yang tertua Sa'aduddin al-Ghazali tidak bersetuju untuk membenarkan Zainab meneruskan pengajiannya walaupun Zainab bersungguh-sungguh meminta kebenarannya. Abangnya memberi alasan pada ibunya :” Zainab telah diajar oleh ayah sikap berani dan degil, dia tidak mendengar selain dari kehendak dan pemikirannya saja memadailah dengan apa yang telah dipelajari di kampung...”Ibunya sendiri berpendapat Zainab perlu patuh kepada abangnya kerana kedudukannya sebagai seorang bapa.

Tetapi Allah SWT membantunya dengan Ali abang ke duanya yang berpendapat bahawa dengan memberi peluang Zainab belajar dapat membentuk pemikirannya dan boleh memperbetulkan pandangannya terhadap banyak pekara terutama terhadap manusia. Dia telah membekalkan Zainab dengan beberapa buku dan yang terpenting buku karya *Aisyah al-Taimury* mengenai wanita dan kebebasan. Zainab membacanya hingga dapat menghafal banyak dari kandungannya tetapi bagi Zainab tidak memadai untuknya dengan buku-buku dan pembacaan secara umum (Zainab al-Ghazali : 1994).

Semasa ia berusia dua belas tahun, Zainab keluar daripada rumahnya di *Haiyi Syubra* dan beliau terpandang ke sebuah sekolah khas untuk pelajar perempuan. Zainab dengan keberanian dan kebijaksannya berjaya melalui beberapa ujian kelayakan dan dapat meyakinkan pihak pengurusan sekolah hingga diberi peluang belajar di sekolah tersebut.

Begitulah seterusnya Zainab belajar di beberapa sekolah kerajaan. Seterusnya Zainab mula bertalaqqi ilmu agama dengan beberapa Masyaeikh al-Azhar yang terdiri daripada tokoh ulama' al-Azhar al-Syarif seperti Syeikh Ali Mahfuz, Ketua Bahagian Pengajaran dan Bimbingan di al-Azhar, Syeikh Muhammad Sulaiman an-Najjar dan Syeikh al-Majid al-Labban. Melalui cara ini Zainab berjaya menggabungkan antara disiplin ilmu moden dan pengajian tradisi yang berorientasikan pengajaran secara lansung daripada para Masyaeikh (Ibn al-Hisyimi:1989).

3.3 Zainab al-Ghazali dan Karya Penulisan

Perpustakaan Zainab al-Ghazali termasuk di antara koleksi buku yang terbesar yang biasa wujud di kediaman tokoh ulama' dan para faqeh. Di dalamnya terhimpun kitab-kitab tafsir dan Fiqh, menambah kepada pelbagai ilmu Hadis dan kitab-kitab Dakwah dan Haraki. Di dalam perpustakaan ini terdapat kitab-kitab yang berusia lebih dari seratus tahun. malah Zainab al-Ghazali sendiri telah menghasilkan sejumlah besar buku-buku dan karya penulisan. Di antaranya "*Ila Ibnati*" (Untuk Puteriku) dalam dua juzu', "*Musykilaat al-Syabab Wa al-Fatayaat Fi Marhalah al-Murahaqah*" (Problem Belia Lelaki dan Gadis di peringkat Remaja) dalam dua juzu' juga, dan "*Nahwa Bi'tha Jadid*", (Ke arah Kebangkitan Semula), "*Ayyam Fi Hayati*" (Hari-hari Dalam Hidupku), *Nazaraat Fi al-Din Wa al-Hayat* ", (Beberapa Pemerhatian Terhadap Agama Dan Kehidupan), "*Syarah al-Arba'in aln-Nawawiyah*", "*Malak Wa Amal Sya'b*" (Pemerintah dan Harapan Rakyat), dan "*Nazaraat Fi Kitabillah*" (Beberapa Pemerhatian Terhadap Kitab Allah), "*Asma' Allah al-Husna* " dan "*Gharizah al-Mar'ah*" (Naluri Wanita).Sebahagian daripada hasil karya penulisan telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa (Ibn al-Hisyimi:1989).

Zainab al-Ghazali seorang yang berbakat besar dalam bidang penulisan. Beliau adalah editor bagi sebuah ruangan dalam majalah *al-Da'wah* bagi pembangunan rumah tangga Muslim yang sejati. Kata-kata yang beliau berikan amat bernas dan berlandaskan agama Islam. Ini terbukti apabila beliau mengeluarkan kenyataan dalam satu temu ramah di rumahnya pada tahun 1981.

Beliau berkata : "Islam menyediakan segala-galanya untuk lelaki dan wanita. Islam memberikan wanita semuanya iaitu kebebasan, hak dalam ekonomi, politik, sosial, hak awam dan juga hak persendirian. Islam memberikan hak-hak wanita dalam keluarga lebih daripada persatuan dan agama lain. Wanita boleh berkata perihal kebebasan wanita dalam masyarakat Kristian, Yahudi dan juga masyarakat pagan, tetapi dalam masyarakat Islam adalah satu kesilapan besar untuk berkata perihal kebebasan wanita. Wanita Muslim perlu mempelajari Islam supaya mereka tahu Islam memberikan mereka semua hak-hak mereka (Ibn al-Hisyimi:1989).

Melalui karya penulisan Zainab al-Ghazali , sesorang pembaca akan mengakui bahawa beliau benar-benar cediakawan wanita yang bijak , ilmunan ulung yang peka terhadap keperluan zaman dan situasi yang ada di lingkungannya. Persoalan ini di paparkan dalam bukunya "*Nazaraat Fi Kitabillah*" di dalamnya Zainab mentafsirkan surah al-Fatihah, 7 surah-surah panjang, al-Taubah, Yunus dan Hud. Sejarah penulisan tafsir ini bermula sejak berada dipenjara di mana al-Quran menjadi penghibur jiwanya, Beliau sering mencatat beberapa maklumat yang dapat difahami dari tafsir al-Quran , di tepi lembaran mashaf. Tetapi al-Quran tersebut telah di rampas daripadanya dan tafsir tersebut belum sempat di sempurnakannya. Selepas Zainab di bebaskan, beliau memulakan kembali usaha mencatat pengertian yang difahami al-Quran. Akhirnya terbukti berjaya menulis tafsirnya dan dicetak juzu' pertama pada tahun 1994, disemak oleh Dr. Abdul al-Haie al-Farmawy, Profesor Ilmu Tafsir di al-Azhar, Mesir. (Zainab al-Ghazali:1994).

3.4 Manhaj Penulisan kitab *Tafsir Nazaraat fi Kitabillah*

Penulisan tafsir dalam bentuk baru ini telah disempurnakan oleh penulisnya : Hajjah Zainab al-Ghazali al-Jubaily di permulaan 90an . Ia berukuran sederhana. Jilid pertama mengandungi tafsir dari surah Al-Fatehah, hingga surah Ibrahim AS, telah dicetak dan diterbitkan oleh Syarikat Dar al-Syuruq pada 1995, setelah disemak dan beri prakata oleh Doktor Abdul Haieal-Farmawy. Pada tahun 2011, setelah lebih empat tahun kewafatan penulisnya, cetakan ke dua mengandungi tafsir lengkap dalam dua jilid di terbitkan oleh Syarikat Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyah. Jilid ke dua mengandungi tafsir bagi baki surah-surah al-Quran al-Karim.(Zainab al-Ghazali:1994). Dalam prakata yang diberikan oleh penyunting kitab ini ; Prof.Dr.Abd.Hayy al-Farmawy menyebutkan mengenai ilmu yang dimiliki, pengalaman yang dilalui , kecintaan yang mendalam terhadap al-Quran dan rasa tanggungjawab terhadap amanah dakwah pada diri tokoh daiyah mujahidah : Zainab al-Ghazali ini menjadi asas kepada terhasil nya penulisan tafsir ini.

Selepas tafsir Nazarat Fi Kitabillah berjaya diterbitkan, Zainab al-Ghazali dalam komentarnya tentang objektif penulisannya yang penuh kiasan menyebutkan :“ *Saya amat mencintai al-Quran hingga dapat menghayatinya, bila saya dapat hidup dengannya, saya ingin pula berkongsi apa yang saya dapat bersama orang yang saya cintai, saya kungsikan sebahagian dari pengajaran para mufassirin, walaupun begitu saya tidak mengatakan saya seorang ahli tafsir, tetapi saya memang pencinta al-Quran, sangat kasih terhadapnya. Seorang kekasih akan berkongsi dengan orang yang dikasihinya dan gemar bercerita dan duduk bersama orang yang dikasihinya memeluk orang yang dikasihinya jadi saya memeluk al-Quran , berbicara dengannya dan berbicara kerananya kepada million orang ramai dari kalangan para mukminin mukminat, muslimin dan muslimat , dan saya hidup berkongsi dengan nya di beberapa masjid selama lebih dari 60 tahun , iaitu usia dakwah yang telah saya asaskan di masjid sejak tahun 1937 (Zainab al-Ghazali:1994).*

Untuk mengenal gaya penulisan tafsir *Nazarat Fi Kitabillah* dan melihat pendekatan tarbawi Zainab al-Ghazali di dalamnya, kita perlu menjejak manhaj yang di pilih oleh tokoh ini.

1. Zainab al-Ghazali mensyarahkan ayat-ayat dan menjelaskan maknannya dengan bahasa yang mudah difahami tanpa ada kesamaran dan kekaburan.
2. Menghubungkan makna-makna al-Quran al-Karim dan hukumnya dengan rialiti hidup, dalam usaha sebenar untuk memperbaiki situasi semasa selaras dengan pertunjuk al-Quran. juga dalam usaha menyelesaikan permasalahan masyarakat.
3. Memberi fokus yang sungguh-sungguh ke atas aspek pelaksanaan amal Islam yang tegak di atas :
 - a) Membina peribadi muslim atas asas ; kefahaman yang benar, pengetahuan yang luas dan lengkap mengenai agama, yakin dengan nya di sudut aqidah dan syariat,

setia dengannya dan melaksanakan tuntutannya. Semua ini tercapai dengan akhlak mulia dan perasaan yang terpimpin. tercerna dengan kedua-duanya pada amal dan tindak tanduk.

- b) Memmbina keluarga muslim, di sudut pembentukannya, pada perjalanan hidupnya, pada penilaiannya atas aqidah yang benar,akhlak mulia ,pertimbangan yang benar dengan sesuatu yang dapat membantu anggota keluarga untuk kehidupan yang tenang, menyebarkan kasih sayang dalam pergaulan antara mereka.menyebarkan perasaan belas kasihan walaupun terhadap musuhny.
- c) Membentuk ummah Islamiyah yang terbina individunya dan terbentuk seluruh anggota keluarga masyarakat di atas asas-asas dan nilai-nilai yang tersebut di atas. Semua itu agar dakwah dapat memberi kesan, dan jelas keberadaan Islam, tumbuh berkembang dan bergerak dan maju ke depan dengan gagah. membasmikan kejahatan , mengatasi kezaliman, memperluaskan keadilan, menyebarkan keamanan, menyelamatkan manusia dari kegelapan bumi dan menyembah toghut dunia dan tunduk kepada kebendaan , kepada pertunjuk Islam dan kebebasan beribadah kepada pengatur segala langit dan bumi. mampu mengatasi kebendaan hidup, keburukannya dan kekejiannya, di bawah naungan pemerintahan Islam.

4. Dakwah yang kuat ke arah menghidupkan segala kewajipan Islam yang hilang:

i. Berhukum dengan apa yang di turunkan Allah SWT. Beramal dengan apa yang disyariatkan Allah SWT. untuk menyelamatkan dan membangunkan kehidupan hambaNya, Zainab menghubungkan rialiti kemunduran dan kehinaan yang menimpa umat Muslimin dengan sebab kecuaiannya mereka dari mendaulatkan syariat Allah SWT. Pembaca dapat merasa kekecewaan Zainab kerana hilang pelaksanaan syariat Allah SWT. dari kehidupan kita, dari pemerintahan kita dan dari sistem pendidikan kemasyarakatan, ekonomi dan perundangan, dan lain-lain lapangan hidup. Begitu juga pembaca turut dapat merasakan jaminan yang meyakinkan bahawa Allah SWT, akan melimpahkan rahmatNya ke atas pengikut agama ini,dan tidak akan bakhil dari melimpahkan nikmatNya ke atas mereka hingga memlayakkan mereka melaksanakan syariatNya , kekal dengan pertunjukNya walau apa sahaja halangan yang datang.

ii.Wajib berjihad pada jalan Alla SWT. demi mendaulatkan kalimah Alah SWT yang tertinggi. Menghapuskan segala halangan dari menyampaikan dakwahnya memenangkan Islam dan pengikutnya. Menyediakan bekalan sepatutnya dengan kesedaran, ilmu , memiliki kekuatan yang selayaknya bagi tujuan tersebut, demi mengembalikan kedaulatan Islam, Para muslimin dapat berperanan bagi memastikan terlaksana segala kebajikan mereka seperti ; beriman dengan Allah SWT, menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran dengan dengan perasaan mulia diri dan kekuasaan, membolehkan kalimat kebenaran di perkatakan ,dan nasihat yang ikhlas dan sedar dikedepankan. Di sini kita melihat dengan jelas, betapa besar dan jelasnya

keyakinan Zainab dengan kemenangan Islam dan Pengikutnya dan gagalny kebatilan dan pendukungnya,

5. Memperbanyakkan permohonan kepada Allah SWT dengan berbicara secara lansung, dan berdoa kepadaNya-dengan hati yang penuh dengan iman dan yakin dengan istijabah Allah SWT-mengiringi ayat-ayat mengenai janji baik dan isti'azah mengiringi ayat-ayat mengenai janji buruk.

6. Ketika memberi bukti untuk menyokong penghayatannya 'Bersama Kitab Allah' Zainab bersandarkan dalil sahih dari Hadis Rasulullah SAW .Beliau mendatangkan Hadis-hadis Nabawi kadangkala untuk menerangkan makna ayat atau menjelaskannya, seperti mana beliau memberi perumpamaan dengan al-Hadis al-Syarif hampir dengan maksud ayat dan maknanya. Begitu juga untuk menambah kemesraan dan menarik ,dengan menggandingkan al-Hadis al-Syarif dan ayat al-Quran sekitar makna yang terdapat dalam ayat al-Quran. Penjelasan mengenai objektif ini adalah perlu , begitu juga menjaga tentang manhaj , serta menjelaskan tentang penghayatan, ini untuk mengelak pembaca dari termasuk ke dalam banyak isu dan permasalahan yang di ambil berat oleh kebanyakan mufassirin (Zainab al-Ghazali :1994).

4. KESIMPULAN

Perbincangan di atas menunjukkan ketokohan wanita Islam dalam bidang tafsir adalah tidak kurang hebatnya berbanding mufasir lelaki. Penemuan dua karya tafsir yang dihasilkan oleh dua tokoh berkenaan menjadi bukti empirikal kesarjanaan mereka dalam bidang ini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Anuar al-Baaz. *Al-Tafsir al-Tarbawi Lil al-Quran al-Karim*. 2007.Dar al-Nasyr Li al-Jami'at,Mesir.

Afaff Abd.Ghafur Hamid. *Juhud al-Mar'ah Fi Tafsir al-Quran Fi al'Asr al-Hadis*. 2007.Majallah kuliah al-Syari'at wa al-Dirasat al-Islamiyah.Qatar

Zainabal-Ghazali, *Nazarat Fi Kitabillah*, 1994.Dar al-Syuruq.Mesir,jilid.1.

Abdul Hamid Mahmud Thahmaz.Huquq, *Al-Insan Fi Surah an. Nisa'*.1993.Beirut.

Ibn al-Hasyimi, *al-Da'iyah Zainab al-Ghazali. Masirah Jihad Wa Hadis Min al-Zikrayat Min Khilal Kitabatih*. Dar al-I'tisam.1989.al-Kaherah.

Syeikh Muhammad Sa'id Mursi, *Tokoh-Tokoh Besar Islam Sepanjang Zaman*, 2011. Kuala Lumpur.

Muhammad al-Salik Muhammad Fal, *.Al-Mar'ah Wa al-Tafsir: Al-Hadir al-Ghaib*.2012..<http://aafaqcenter.com/index.phd/post/152>.

Badr Muhamad Badr,*Min Sutur Hayati ad-Daiyah Zainab al-Ghazali. ad-Da'iyah ,Wa Siasah Misriyah*, [http://www.ikhwanwiki.com/// Index. php](http://www.ikhwanwiki.com///Index.php)